

**Parlimen: Sikap "Berentap Di Dalam, Berpeluk Di Luar" Anggota Parlimen Ditegur Bernama
19 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Aksi segelintir Anggota Parlimen yang sering membuat 'drama' pergaduhan di dalam persidangan tetapi kemudiannya berbaik dan berpelukan di luar dewan persidangan ditegur dua orang Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Semasa sesi perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Isnin, enam anggota Parlimen ditegur kerana bertikam lidah dan menyebabkan perjalanan mesyuarat terganggu.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar membuat teguran itu dalam usahanya menghentikan pertikaman lidah antara beberapa Anggota Parlimen dan menasihatkan mereka segera berbaik dan tidak menunggu sehingga keluar dewan.

"Jangan pula di dalam dewan bergaduh, di luar dewan berpeluk pula," kata Wan Junaidi.

Pada perbahasan sesi pagi, Ahmad Kasim (PKR-Kuala Kedah), Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) dan Datuk Saifuddin Nasution Ismail (PKR-Machang) berbalah mengenai isu kontrak pungutan sampah oleh Majlis Bandaraya Shah Alam.

BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653336>